

16/11/1998

Tempoh pengampunan tamat

KLANG, Ahad - Kerajaan tidak akan melanjutkan lagi tempoh pengampunan pendatang tanpa izin selepas kelonggaran yang diberi selama 15 hari lagi, berakhir malam ini.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata keputusan muktamad itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri.

Serentak itu, katanya, Dr Mahathir mengarahkan Jabatan Imigresen dan polis bertindak tegas terhadap pendatang yang masih belum meninggalkan negara ini serta majikan yang mengambil pekerja tanpa permit.

Program pengampunan itu sepatutnya berakhir 31 Oktober, tetapi dilanjutkan sehingga 15 November bagi memberi peluang kepada pendatang tanpa izin pulang dengan sempurna.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau urusan penghantaran pulang warga asing di sekitar Pelabuhan Selatan di Pelabuhan Klang, hari ini, Aseh berkata, selepas tempoh itu Jabatan Imigresen juga tidak akan meluluskan lagi permohonan kemasukan warga asing yang baru kecuali memperbaharui permit kerja.

Aseh berkata, sehingga Jumaat lalu kira-kira 172,000 pendatang tanpa izin pulang secara sukarela dan dijangka meningkat 176,000 orang menjelang 12 malam ini, melebihi tiga kali ganda sasaran asal, iaitu 50,000 orang.

Menurutnya, Jabatan Imigresen akan menjalankan penguatkuasaan yang lebih agresif bagi mengesan pendatang tanpa izin selepas jam 12 malam ini.

Fokus Jabatan Imigresen selepas ini ialah untuk melaksanakan Akta Imigresen yang melarang majikan melindungi dan menggaji pendatang tanpa izin dalam usaha membanteras kemasukan lebih ramai warga asing.

Menurutnya, beliau sudah mengarahkan Pengarah Imigresen negeri melaksana dan menguatkuasakan undang-undang itu mengikut peruntukan dalam Akta Imigresen 1959/63 (pindaan 1997).

Katanya, majikan yang didapati sabit kesalahan melindungi atau menggaji pendatang tanpa izin boleh didenda sehingga RM10,000 bagi setiap warga asing atau lima tahun penjara atau kedua-duanya manakala yang menggaji lebih daripada lima pendatang tanpa izin boleh dikenakan penjara mandatori.

(END)